

07/11/1999

Mahathir beri penghormatan akhir kepada Lee

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semalam memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Datuk Alex Lee, bekas Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di kediaman keluarga mendiang di Jalan Langgak Golf, di sini.

Ketibaan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah di kediaman mendiang disambut oleh isteri mendiang, Datin Irene Jucker serta tiga anak mereka iaitu Christopher, Anthony dan Patrick.

Perdana Menteri dan isteri bertafakur sejenak sebagai penghormatan kepada mendiang, yang ketika hayatnya turut berkhidmat sebagai Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia dan Presiden Persatuan Skuasy Reket Malaysia.

Mereka berdua kemudian meluangkan masa untuk berbicara dengan Irene dan anaknya sebelum berangkat pulang.

Lee, 60 tahun, meninggal dunia disebabkan komplikasi ketika menyelam skuba di Papua New Guinea pada Ahad lepas.

(END)